

CNS6422

R GB 07-03 00157 BC903

bah

PM TIDAK MAHU TANAH WAKAF TERBIAR
Mahathir - Tanah

LANGKAWI, 7 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak mahu tanah wakaf tinggal terbiar kerana ia boleh diusahakan dengan projek-projek yang boleh mendatangkan faedah kepada umat Islam.

Beliau berkata, tanah-tanah wakaf boleh digunakan untuk mendirikan bangunan perniagaan dan rumah kediaman dan bukan hanya untuk dijadikan tanah perkuburan sahaja.

+Saya percaya orang yang telah mewakafkan tanah tersebut tidak mahu ia ditinggalkan terbiar+, kata beliau kepada pemberita sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur hari ini.

Semalam, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, Haji Zainal Abidin Abdul Kadir berkata, jabatan itu telah mengenal pasti tanah wakaf bernilai \$500 juta yang terbiar kerana tidak dibangunkan oleh majlis-majlis agama Islam negeri.

Katanya, sesetengah daripada tanah itu didiami setinggan dan kebanyakannya terletak di bandar serta kawasan strategik yang sesuai dibangunkan secara komersil.-- Lagi

▼07/03/19-00MST

R GB 07-03 00050 BC904

bah

Mahathir - Tanah 2 (akhir) Langkawi

Dr Mahathir berkata, soal tanah wakaf adalah satu soal yang rumit tetapi berharap ia tidak tinggal terbiar sepanjang masa.

Beliau juga yakin jabatan-jabatan agama Islam sedar mengenai keadaan tanah-tanah wakaf yang terbiar itu.-- Bernama